



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

**POLITEKNIK BANTING SELANGOR**  
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

Persiaran Ilmu  
Jalan Sultan Abdul Samad  
42700 Banting  
SELANGOR DARUL EHSAN



Tel : 03-3120 1625  
Faks : 03-3120 1706  
Laman Web : [www.polibanting.edu.my](http://www.polibanting.edu.my)  
Facebook : [politeknik.edu](https://www.facebook.com/politeknik.edu)

Rujukan kami : PBS.HEP.600-1/9 JLD 2( 93 )  
Tarikh : 8 Mac 2018

**Pelajar-pelajar baharu,**

Tuan,

**PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI JUN 2018**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Tahniat diucapkan kerana tuan berjaya ditawarkan pengajian di Politeknik Banting Selangor (PBS). Sehubungan dengan itu, tuan dikehendaki mendaftar diri sebagaimana maklumat berikut :

Tarikh : 25 Jun 2018 (Isnin)  
Masa : 8.30 -10.00 pagi  
Tempat : Politeknik Banting Selangor  
Pakaian : 1. Lelaki - Baju kemeja putih, seluar slack berwarna gelap, tali leher, berambut pendek, Kasut  
2. Perempuan - Baju kurung/ baju kemeja berwarna putih, kain/ skirt labuh berwarna hitam, kasut bertutup  
Penginapan : Penginapan di Kamsis adalah **WAJIB** kepada semua pelajar

3. Semua pembayaran perlu dibuat sebelum **20 Jun 2018** bagi melancarkan proses pendaftaran (sila rujuk lampiran 1: Kaedah membayar yuran pengajian)

4. **Pra Pendaftaran Online** perlulah dibuat sebelum **22 Jun 2018** melalui laman web [www.polibanting.edu.my](http://www.polibanting.edu.my).

5. Jika tuan **tidak mendaftar** pada tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan, pihak kami beranggapan **TUAN MENOLAK TAWARAN INI.**

6. Jika terdapat keperluan untuk penginapan sementara bagi ibu bapa pelajar di kamsis, bolehlah menghubungi pejabat kamsis di talian 03-31201625 samb 232.

7. Segala perhatian serta kerjasama tuan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah

**(DR. HJH. NORHAYATI BINTI ZAKARIA)**

Pengarah  
Politeknik Banting Selangor





**KAEDAH MEMBAYAR YURAN PENGAJIAN DI BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD  
(BIMB)**

---

**A PERBANKAN INTERNET**

1. Layari [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)
2. Klik logo "Internet Banking Login" dan tekan butang "ok" pada "Security Alerts"
3. Masukkan ID pengguna dan kata laluan untuk memasuki sistem Perbankan Internet Bank Islam.
4. Pilih "Bill Presentment" pada bahagian "Bill Payment".
5. Pilih **POLITEKNIK KPT** pada bahagian senarai Universiti.
6. Masukkan No Kad Pengenalan pada ruang Kad Pengenalan dan klik "next"
7. Senarai bil akan dipaparkan. Pilih bil yang hendak di bayar dan klik "pay"
8. Maklumat bil yang hendak dibayar akan dipaparkan. Pilih "source account" yang hendak di debitkan and sahkan jumlah amaun yang hendak di bayar dan klik "pay"
9. Skrin berikutnya akan menyenaraikan maklumat bayaran yang perlu disahkan.
10. Klik "Confirm" untuk menuruskan pembayaran atau sebaliknya.
11. Skrin berikut akan menunjukkan makluman bayaran yang telah dilakukan. Pelanggan adalah dinasihatkan untuk membuat **salinan makluman bayaran** yang dilakukan sebagai rujukan.

**KAEDAH MEMBAYAR YURAN PENGAJIAN DI BANK ISLAM MALAYSIA  
BERHAD (BIMB)**

---

**B MESIN ATM BANK ISLAM**

1. Pilih menu LAIN-LAIN
2. Pilih menu PEMBAYARAN BIL / YURAN IPT
3. Pilih menu YURAN IPT
4. Pilih Akaun Pembayar ( akaun yang akan didebit )
5. Masukkan No Kad Pengenalan Pelajar
6. Pilih Bil yang ingin dibayar
7. Sahkan amaun yang ingin dibayar
8. Transaksi selesai dan **ambil resit untuk dibawa pada hari pendaftaran**

**C MESIN CASH DEPOSIT (CDM) BANK ISLAM**

1. Pilih menu YURAN IPT
2. Masukkan No Kad Pengenalan Pelajar
3. Pilih POLITEKNIK KPT
4. Sahkan data dan masukkan wang
5. Sahkan jumlah kemasukkan wang
6. Transaksi selesai dan **ambil resit untuk dibawa pada hari pendaftaran**

\*Pastikan resit asal dan satu salinan di bawa semasa hari pendaftaran